

EK
ECONEWS
MAHATHIR JELAS TUJUH PRINSIP EAEC
Daripada K. C. Leong

TOKYO, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan hari ini tujuh prinsip yang akan menjadi asas pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dicadangkan, sambil menegaskan bahawa tema itu harus berpandangan luas dan berjuang untuk rantau terbuka.

Prinsip yang pertama ialah EAEC harus memheri perhatian terhadap agenda serantau tldn diluar rantau, kata Perdana Menteri dalam ucapan dasarnya pada persidangan antarabangsa mengenai "Peranan Asia Dalam Order Dunia Yang Berubah" di sini.

Yang lain termasuk: EAEC tidak harus terhad kepada perkara-perkara berkai tan dcngan perdagangan sahaja, ia mesti memperjuangkan perdagangan dunia yang bebas dan adil, ia mesti memperjuangkan usaha ke arah rantau yang terbuka bagi menarik sumber-sumber daripada punca yang paling luas, dan ia mesti mempunyai aspirasi untuk menjadi contoh bagi kerjasama Utara-Selatan.

Dua prinsip terakhir ialah EAEC mesti menyumbang kepada keselamatan dan kemakmuran dalam semua ekonomi Asia Timur dan kerjasama EAEC mesti dijalin at as prinsip asas bagi faedah bersama, saling menghormati, kesaksamaan, persepakatan dan demokrasi.

Beliauberkata bahawa dalam usaha mencapai matlamat itu, EAEC juga harus memastikan ia tidak bersiknp menentang, disakat dan diugut, tidak membinasakan Asean, APEC, forum Pasifik Selatan dan proses-proses yang lama wujud, tidak membenarkan pihak lain memisahkan Pasifik, Asean atau Asia Timur dnn negara-negara anggotanya ti dak digertak daripada menentang perkauman, hak eksklusif dan usaha-usaha untuk mengwujudkan blok perdagangan.

Dr Mahathir menyampaikan ucapan yang dinantikan itu pada hari kedua persidangan tersebut, yang dihadiri kira-kira 700 peserta, sebahagian besarnya pegawai tinggi korporat, dari seluruh rantau ini.

Sambil menegaskan bahawa adalah penting EAEC tidak menutup pintu rantau ini kepada negara lain, Perdana Menteri herkata, anggota-anggota gagasan itu, demi kepentingan negara dan serantau, "mesti menarik penyertaan penuh semua syarikat terbaik dan semua ekonomi yang terpenting di dunia dalam rantau kita".

Terdahulu, beliau mengingatkan para hadirin bahawa EAEC bukan bertujuan menjadiblok perdagangan yang tertutup dan berpandangan sempit bagi Asia Timur.

"Kita tidak memperjuangkan peraturan perdagangan yang diberi keutamaan, atau kawasan perdagangan bebas, atau kesatuan cukai, atau pasaran bersama atau kesatuan ekonomi bagi Asia Timur.

"Apa yang kita inginkan ialah penubuhan satu forum **perundingan** Yang longgar bagi ekonomi-ekonomi di rantau ini. Forum ini harus mempunyai agenda serantau dan luar rantau."

Sambil menghuraikan tema pembentukan EAEC itu, Dr Mahathir berkata bahawa walaupun perdagangan amat penting, masih banyak yang dapat dilakukan di Asia Timur yang berhubung dengan menggunakan dengan optimum zon pembangunan, pelaburan, teknologi, pelancongan, malah aliran tenaga kerja.

"Bidang-bidang kerjasama -- bagi penswastan pembangunan infrastruktur -- terlalubanyak untuk dihitung."

Mengenni perdagangan dunia yang bebas dan adil, beliau berkata: "Kita mesti memperjuangkan usaha liberalisasi dagangan sedunia, pelbagaian hala, sistem perdagangan sedunia yang terbuka, mengenai Rundingan Uruguay dan mengenai Perjanjian Am bagi Tarif dan Perdagangan serta semangat, prinsip, peraturandan undang-undangnya.

"Mujurlah, oleh kerana kita antara yang paling bergantung kepada perdagangan asing di dunia hari ini dan kerana kita amat berdaya saing sehingga akan berbuat apa sahaja dalam sistem perdagangan sedunia yang bebas dan adil, kedudukan yang diperjuangkan itu adalah suatu usaha yang biasabagi kita di Asia Timur," tambahnya.

Merujuk kepada rantau terbuka, beliau berkata: "Jika kita bersetuju untuk berbuat sesuatu bagi perdagangan serantau, kita perlu memastikan tiada langkah perlindungan atau penindasan yang baru atau yang lebih ketat diperkenni kan terhadap mereka di luar Asia Timur. -- lagi

EK
ECONEWS
MAHATHIR JELAS 2 TOKYO

"Tahap perlindungan dan penindasan sebenar sekarang harus dikurangkan lagi. Tiada satu ekonomi pun perlu meningkat tahap perlindungan dan penindasan ke tahap serantau yang tinggi dan seragam.

"Kita tidak boleh berpandangan sempit. Semua ekonomi mesti berpandangan luas. Seluruh dunia mesti menjadi pasaran kita. Pasaran serantau kita mesti terus dibuka kepada yang lain. Kita mesti terus liberal."

Dr Mahathir berkata beliau amat percaya dalam menarik pelaburan asing dari setiap penjuru dunia dan aliran masuk teknologi, kepakaran, keusahawanan dan pengurusan moden daripada sumber paling luas dan terkaya. "Jika tidak, kita hanya merugikan diri sendiri."

Dalam menjaya agenda serantau dalaman, Dr Mahathir berkata, ekonomi-ekonomi Asia Timur harus mengadakan mesyuarat peringkat menteri yang kerap untuk membincangkan cara-cara meningkatkan kerjasama serantau demi faedah bersama bagi jangka singkat, sederhana dan panjang.

Mengenai agenda luar rantau, anggota-anggota harus berbincang mengenai kaedah untuk bertindak secara bersama untuk meningkatkan peluang bagi mencapai kejayaan dalam rundingan perdagangan pelbagai hala Pusingan Uruguay, mengekalkan sistem perdagangan sedunia yang terbuka dan kebaikan awam sejagat yang lain, tambahnya.

Beliau berkata bahawa Asean sedang merumuskan butir dan kaedah EAEC dan cadangan-cadangan kini secara keseluruhannya bergantung kepada Asean, yang perlu membuat keputusan bagaimana EAEC akan di bentuk. -- Bernama